



**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	KEBAKARAN KILANG CAT, DUA SEKOLAH DI MERU DIARAH TUTUP
	SUMBER	BH ONLINE (29 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Kebakaran kilang cat, dua sekolah di Meru diarah tutup

Oleh [Fahmi Tajuddin](#) - April 29, 2024 @ 1:29pm



Kebakaran memusnahkan kilang memproses cat di Kawasan Perindustrian Meru pagi ini. - Foto ihsan Bomba Selangor

KAPAR: Dua Sekolah di Meru diarah tutup membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Meru dan Sekolah Rendah Agama (SRA) II susulan kebakaran dua kilang memproses cat di Taman Perindustrian Meru, awal pagi ini.

Perkara itu disahkan oleh Pegawai Bomba Kanan II (Komander Operasi Kanan) PBK II Nurul Azman Muhammadan."Saya sudah mendapat makluman sekolah tersebut diarahkan tutup atas faktor keselamatan.

"Sekitar jam 7 pagi tadi, guru-guru dan murid-murid telah diarahkan pulang susulan sesi dibatalkan," katanya ketika dihubungi Buletin TV3.

Berikutan **kebakaran kilang cat** berkenaan, kawasan kedua-dua sekolah itu dilitupi asap menebal yang membawa bahan kimia. Menurut Penolong Pengarah Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 6.34 pagi.

Seramai 39 pegawai dan anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Kapar, BBP Bukit Jelutong, BBP Andalas, BBP Klang Utara, BBP Pelabuhan Klang, BBP Klang Selatan, BBP Shah Alam, BBP Bukit Jelutong, BBP Rawang, BBP Pulau Indah BBP Damansara dan BBP Kuala Lumpur dikerahkan ke lokasi. - BUTV3

2.	TAJUK	KEBAKARAN KILANG CAT : JAS TEMPATKAN DUA ALAT PENGUKUR UDARA
	SUMBER	BH ONLINE (30 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Kebakaran kilang cat: JAS tempatkan dua alat ukur kualiti udara

Oleh [BERNAMA](#) - April 30, 2024 @ 9:22am



Kebakaran dua buah bangunan kilang memproses cat di Taman Perindustrian Meru, sekitar 6 pagi semalam. - Foto Bomba

PUTRAJAYA: Jabatan Alam Sekitar (JAS) menempatkan dua alat pengukur kualiti udara di kawasan Sekolah Kebangsaan (SK) Meru bagi memantau situasi susulan insiden pelepasan asap tebal akibat kebakaran membabitkan sebuah kilang memproses cat di Taman Perindustrian Meru, Klang semalam.

Ketua Pengarah JAS Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dalam kenyataan hari ini berkata pengukuran gas pencemar menggunakan alat penganalisis pelbagai gas mudah alih yang menggunakan teknologi spektroskopi inframerah transformasi Fourier (FTIR) setakat 8 malam tadi tidak mengesan sebarang gas toksik di udara.

"Namun begitu, pengukuran tahap kualiti udara masih diteruskan secara berkala sehingga keadaan kembali seperti biasa," katanya.

Menurut Wan Abdul Latiff berdasarkan pengawasan melalui stesen pengawasan kualiti udara JAS di lokasi berhampiran iaitu di Pandamaran, Klang, nilai bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada 8 malam adalah 69 iaitu pada tahap sederhana dan di bawah had yang ditetapkan oleh Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia.

Berikutan kemusnahan kawasan penstoran bahan mentah di premis, katanya JAS juga telah mengeluarkan arahan kerja pembersihan dan pelupusan sisa bahan kimia terbakar ke Premis Yang Dilesenkan (PYDT), manakala penilaian di lapangan turut mendapati parit di sekitar kawasan SK Meru telah dicemari pigmen berwarna hijau.

Kerja pembersihan telah selesai sepenuhnya petang semalam, namun pada masa sama pemantauan pengaliran air daripada aktiviti pemadaman di kawasan premis terus dijalankan bagi memastikan air daripada aktiviti pemadaman tidak disalurkan ke kawasan perparitan luar premis dan menjejaskan kualiti air.

Semalam, dua bangunan sebuah premis pembuatan cat di Taman Perindustrian Meru terbakar kira-kira 6.20 pagi dan berdasarkan siasatan awal, kebakaran itu melibatkan kawasan penstoran bahan mentah mudah terbakar berunsurkan pelarut organik. – BERNAMA

3.	TAJUK	JAGA ALAM SEKITAR SATU IBADAH
	SUMBER	BH ONLINE (1 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Jaga alam sekitar satu ibadah

[Dr Izham Hakim Redzan](#)



Setiap ciptaan Allah SWT sama ada perkara yang bernyawa seperti manusia dan haiwan ataupun perkara yang tidak bernyawa serta apa yang ada di atas muka bumi ini kewujudannya bukanlah perkara sia-sia.

Masyarakat dunia sudah sedar bahawa alam sekitar kita pada waktu ini sudah mula tidak stabil. Gelombang haba yang melanda dunia merupakan satu bukti menunjukkan bahawa ekosistem alam sekitar sudah tidak stabil.

Begitu juga pertukaran musim yang bercanggah pada waktunya juga menunjukkan ketidakstabilan yang berlaku di atas muka bumi. Ini disebabkan ketamakan manusia dalam mempercepatkan proses pembangunan dan penjanaaan ekonomi tanpa menghiraukan unsur kehidupan yang lain seperti haiwan, tumbuhan, gunung-ganang dan perkara-perkara yang lain.

Adapun dalam agama Islam, penjagaan alam sekitar ialah satu daripada unsur ibadah yang ditaklifkan ke atas seorang Muslim kerana ia merangkumi hukum taklif iaitu wajib, sunat, harus, haram dan makruh. Dalam pandangan agama Islam, penjagaan alam sekitar bukanlah satu undang-undang perletakan manusia bahkan ia merupakan salah satu tanda keagamaan dan salah satu tanda ketaatan kepada Tuhan Maha Pencipta. Bahkan ia adalah salah satu cara mendekatkan diri kepada Allah SWT. Maka bagi orang Islam, penjagaan alam sekitar itu ialah keagamaan sebelum ia menjadi undang-undang kemanusiaan. Sebagai contoh, dalam perundangan Islam menyebutkan tidak boleh ke atas orang Islam itu membazirkan air walaupun ketika berwuduk di dalam sungai sekali pun.

Setiap ciptaan Allah SWT sama ada perkara yang bernyawa seperti manusia dan haiwan ataupun perkara yang tidak bernyawa seperti batu-bata, gunung-ganang, lautan dan apa yang ada di atas muka bumi ini kewujudannya bukanlah satu perkara yang sia-sia. Allah SWT berfirman dalam **surah ad-Dukhān, ayat 38-39**: Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, secara sia-sia; Tidaklah Kami menciptakan keduanya (serta segala yang ada diantaranya) melainkan kerana menzahirkan perkara-perkara yang benar; akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu).

Ayat yang telah disebut jelas menunjukkan ciptaan Allah SWT mengandungi apa yang di bumi dan langit serta apa yang ada di antara keduanya. Bahkan perkara selain zat yang qadīm (Allah SWT) adalah hādīth (ciptaan-Nya). Maka Allah SWT menciptakan semua makhluk ciptaan-Nya dengan hikmah-Nya yang selari dengan kehendak-Nya dan ilmu-Nya.

Ayat yang telah disebutkan juga menunjukkan kebanyakan makhluk-Nya khususnya manusia tidak mengetahui hakikat dan hikmah daripada ciptaan-Nya. Maka golongan yang tidak mengetahui ini bermudah-mudahan merubah ciptaan-Nya dengan menghancurkannya dan menukarkannya daripada asal ciptaan-Nya sehinggalah perkara ini menggerakkan masyarakat dunia menjaga alam sekitar disebabkan perubahan iklim untuk menyelamatkan kehidupan mereka disebabkan perubahan cuaca yang drastik.

Apabila seorang Muslim itu mengetahui dan yakin dengan hikmah ciptaan Allah SWT, sudah tentu dalam masa yang sama dia akan mendapati merosakkan sistem kehidupan yang diciptakan oleh pencipta-Nya ialah tanda kepada ingkar pada iradah (kehendak) Allah SWT dan hikmah ciptaan-Nya antaranya: haiwan, tumbuh-tumbuhan, air, udara dan sebagainya.

Dengan pemahaman inilah kita memahami apa yang telah disebutkan di dalam perundangan Islam (ilmu fiqh) diharamkan bagi seseorang itu memburu dengan tujuan berseronok-seronok. Hukum ini disebutkan secara terperinci dalam salah satu bab feqah yang dikenali sebagai bab aṣ-Ṣaid (pemburuan). Berkata Imam Malik RA (w.179H): "Aku tidak berpendapat seseorang itu dibolehkan ke atasnya untuk memburu kecuali ke atasnya ada satu keperluan untuk memanfaatkan dengan binatang buruan tersebut. Aku juga tidak melihat pemburuan itu dibolehkan dengan untuk berseronok-seronok sahaja, maka siapa yang memburu dengan tujuan tersebut tidak boleh ke atasnya untuk mengqasarkan solatnya jika dia dalam bermusafir dalam aktiviti pemburuan."

Manusia adalah makhluk yang istimewa dan dimuliakan oleh Allah SWT berdasarkan firmanNya di dalam **surah al-Isrā', ayat 70**: "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan."

Walaupun dengan wujudnya keistimewaan pada manusia ia tidak menunjukkan bahawa kita boleh menghapuskan kewujudan ciptaan Allah SWT yang lain.

Bahkan manusia dan ciptaan yang lain, semuanya adalah makhluk ciptaan Allah SWT. Perkara inilah yang dikenali dalam bahasa Arab sebagai Waḥdatu al-Khalq (kesatuan penciptaan). Maka makna Waḥdatu al-Khalq perlu untuk selalu kita sematkan di dalam diri kita bahawa kita dan alam sekitar adalah komponen ciptaan Allah SWT. Perkara ini jelas disebutkan di dalam al-Quran bahawasanya manusia dan makhluk yang lain seperti satu umat menurut kefahaman Waḥdatu al-Khalq. Allah SWT berfirman di dalam **surah al-An'ām, ayat 38**: "Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu wahai manusia."

Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Manusia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Ini kerana manusia itu sejenis hidupan yang memerlukan kepada pemakanan, pembiakan dan beranak-pinak, maka sifat-sifat ini meletakkan manusia adalah salah spesies makhluk yang sama seperti haiwan. Hubungan keterkaitan inilah yang

menjadikan agama Islam mewajibkan ke atas manusia hubungan berkasih sayang dengan haiwan. Ini adalah seperti yang telah disebutkan di dalam sebuah hadith daripada sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA: "Pada suatu ketika ada seorang laki-laki sedang berjalan melalui suatu jalan, lalu dia merasa sangat kehausan. Lalu dia menemukan sebuah perigi, maka dia turun ke dalam perigi tersebut untuk minum.

Setelah dia keluar dari perigi, dia melihat seekor anjing menjulurkan lidahnya menjilat-jilat tanah karena kehausan. Lalu lelaki tersebut berkata dalam hatinya; alangkah hausnya anjing ini sepertimana yang baru aku alami. Maka, orang tersebut turun kembali ke dalam perigi, kemudian dia menceduk air dengan kasutnya. Lalu, dibawanya ke atas dan diminumkan air tersebut kepada anjing itu. Maka Allah berterima kasih kepada lelaki itu (diterima-Nya amalnya) dan diampuni dosanya. Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah kami akan mendapat pahala apabila melakukan perbuatan seperti ini pada haiwan?" Baginda berkata: "Ya, pada setiap perkara yang mempunyai hati yang hidup maka ada padanya pahala." (HR al-Bukhari dan Muslim)

Sepertimana yang telah disebutkan, makhluk Allah SWT adalah satu bentuk tajalliyāt (penjelmaan) hikmah Allah SWT. Semua makhluk ciptaan Allah SWT adalah hamba kepada Sang Pencipta. Agama Islam menggalakkan pembinaan hubungan baik antara manusia dan komponen ciptaan yang lain (alam sekitar). Di dalam al-Quran dan hadis banyak menunjukkan makna mengasaskan hubungan antara manusia dan alam sekitar, antaranya:

Pertama: Hubungan manusia dengan muka bumi Allah SWT telah menjelaskan bahawa manusia diciptakan daripada unsur turāb (tanah) yang dicampurkan padanya air lalu menjadi ṭīn (tanah liat). Seterusnya tanah liat tersebut dibakar menjadi fakhār (tanah liat kering seperti tembikar). Perkara ini diterangkan di dalam

firman Allah SWT di dalam **surah Fāṭir, ayat 11**: "Dan Allah menciptakan kamu dari tanah."

Kedua: Hubungan manusia dengan bulan. Diriwayatkan di dalam hadis Nabi SAW bersabda: "Ya Allah jadikanlah permulaan bulan ini dengan keberkatan, keimanan, selamat dan sejahtera. Sesungguhnya Tuhanmu (anak bulan) dan Tuhanku ialah Allah SWT." (HR Ahmad)

Adapun apa yang telah disebutkan di dalam munajat Nabi SAW: "Sesungguhnya Tuhanmu (anak bulan) dan Tuhanku ialah Allah SWT" menunjukkan kepada manusia dan bulan adalah makhluk ciptaan Allah SWT dan berkongsi sifat al-'Ubudiyyah (kehambaan). Ini juga menunjukkan setiap makhluk bemunājāt kepada Allah SWT, akan tetapi manusia tidak memahaminya.

Ketiga: Hubungan dengan gunung-ganang . Diriwayatkan oleh Nabi SAW ketika baginda mendaki gunung Uhud dan baginda berkata: "Gunung ini mencintai kami dan kami mencintainya." (HR al-Bukhari)

Penulis Felo Penyelidik Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Disiarkan pada: Mei 1, 2024 @ 7:02am

4.	TAJUK	GELOMBANG PANAS MERENTASI ASIA
	SUMBER	BH ONLINE (1 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Gelombang panas merentasi Asia

AFP - Mei 1, 2024 @ 1:01pm



Beberapa kawasan di Asia sedang mengalami cuaca panas terik berikutan gelombang haba melepasi suhu pecah rekod dari Myanmar hingga Filipina. - Foto hiasan

BANGKOK: Beberapa kawasan di Asia sedang mengalami cuaca panas terik berikutan gelombang haba melepasi suhu pecah rekod dari Myanmar hingga Filipina, sekali gus memaksa jutaan kanak-kanak tinggal di rumah dan tidak ke sekolah.

Saintis memberi amaran keadaan itu akan menjadi lebih kerap kerana perubahan iklim.

Cuaca panas melanda sebahagian besar Asia Selatan dan Asia Tenggara, dengan suhu pecah rekod di Chauk, Myanmar dan ibu negara Filipina, Manila, sejak beberapa hari kebelakangan ini.

Pihak berkuasa Thailand mengeluarkan amaran mengenai keadaan yang teruk, manakala pihak berkuasa di Kemboja, Myanmar, Vietnam, India dan Bangladesh, meramalkan suhu melebihi 40 darjah Celsius.

Filipina dan Bangladesh kedua-duanya menggantung pembelajaran secara bersemuka, manakala India sedang mengkaji sama ada cuaca panas menjejaskan peratusan keluar mengundi pada pilihan raya negara.

Kawasan utara di Jepun turut terjejas, dengan suhu di Sapporo pada bulan ini melepasi 25 darjah Celsius.

Musim tengkujuh atau musim hujan di rantau ini adalah panas tetapi suhu tahun ini adalah atas suhu purata di banyak negara.

Menurut pakar, perubahan iklim menyebabkan gelombang haba yang lebih kerap dan lebih lama.

Sementara itu, Pertubuhan Meteorologi Sedunia, sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, Asia mengalami pemanasan lebih cepat daripada purata global.

Ahli meteorologi dan felo penyelidik pelawat di Universiti Teknologi Sydney berkata, fenomena El Nino memainkan peranan terhadap suhu panas pada tahun ini.

5.	TAJUK	PENJAWAT AWAM DAPAT KENAIKAN GAJI LEBIH 13 PERATUS MULAI 1 DISEMBER 2024
	SUMBER	BH ONLINE (2 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NASIONAL)

Khamis, 2 Mei 2024

Nasional

Hari Pekerja 2024

Penjawat awam dapat kenaikan gaji lebih 13 peratus mulai 1 Disember

Peningkatan antara kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lebih 1.5 juta kakitangan kerajaan akan menikmati kenaikan gaji lebih 13 peratus mulai 1 Disember depan, antara kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara yang bakal menyaksikan pendapatan minimum merangkumi gaji dan elaun tetap melebihi RM2,000 sebulan.

Berita gembira itu diumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam amanat pada Majlis Sambutan Hari Pekerja 2024 bertema "Pekerja Kesuma Bangsa" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam dan akan diperincikan dalam Belanjawan 2025 yang dijangka dibentangkan Oktober depan.

"Maka kita akan melaksanakan kenaikan mulai 1 Disember tahun ini, sebab saya sudah berjanji," kata Perdana Menteri sambil menambah, pelarasan gaji penjawat awam itu akan membabitkan peruntukan lebih RM10 bilion berikutan jumlah kenaikan yang besar dan terbaik.

Mengenai gaji minimum penjawat awam, Anwar berkata, jumlah pendapatan menyeluruh

paling minimum untuk kakitangan kerajaan ketika ini adalah RM1,765, yang disifatkan sebagai munasabah.

"Saya setuju jumlah diterima sebelum ini tidak munasabah. Oleh itu pada tahun ini, melalui Sistem Sarjan Perkhidmatan Awam (SSPA), kita menggunakan kriteria dan ukuran baharu, iaitu pendapatan menyeluruh termasuk gaji dan elaun tetap mesti lebih RM2,000," katanya.

Namun, beliau mengingatkan penjawat awam yang relok perkhidmatan mereka tidak membanggakan, tidak mempamerkan prestasi dan memberi tumpuan sebaiknya, pemalas dan sering lewat datang kerja tidak layak diberi ganjaran itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, kerajaan Sabah dan Sarawak bersetuju melakukan pindaan terhadap Ordinan Buruh Sabah (Or-

dinan Cap 67) dan Sarawak (Ordinan Bah 76) untuk diselaraskan dengan Akta Kerja 1965 yang terpakai di Semenanjung.

Keperluan pekerja

Beliau memaklumkan, Rang Undang-Undang (RUU) Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024 dan RUU Ordinan Buruh Sarawak dijadual dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang.

"Jadi, akan nampak dari segi kepentingan pekerja, di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dalam satu garisan yang sama. Ini sermamak umpamanya dari segi cuti bersalin, cuti isteri, peruntukan aduan diskriminasi, perlindungan daripada gangguan seksual dan perantukan mengenai aduan.

"Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan Sabah dan Sarawak kerana bersetuju untuk membuat pindaan ke atas ordi-

nan ini bagi diselaraskan dengan Akta Kerja 1965 yang terpakai di Semenanjung," katanya.

Anwar turut mengajak golongan pekerja bangkit dan melawan mana-mana pihak yang engaja cuba melaga-lagakan dan merendahkan darjat sesiapa saja seperti menghina kaum, agama dan menafikan hak rakyat.

"Saya mohon semua, hentikan kalau ada suara cuba melaga-lagakan kita, merendahkan darjat sesiapa. Saudara bangkit dan melawan dengan segenap kekuatan, jangan sesekali melayan sifat menghina mana-mana kaum, agama atau menafikan hak mereka. Itulah bibit yang memecahkan hubungan kita," katanya.

Mengulas pengumuman Perdana Menteri berkait kenaikan gaji itu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan yang juga Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, memberi

tahu perincian mengemainya akan dibentangkan dalam Belanjawan 2025 yang dijangka Oktober depan.

"Pengumuman Perdana Menteri pada hari ini (semalam) amat amat positif. Saya percaya inilah yang diperjuangkan golongan pekerja dan kita seharusnya menyambuti baik usaha ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan berkenaan.

Katanya, kenaikan itu hanya boleh berlaku susulan pengurusan dan tatakelola yang lebih baik diamalkan Kerajaan Perpaduan, terutamanya dalam usaha melawan rasuah.

"Perdana Menteri menjemput semua 16.5 juta pekerja di Malaysia untuk bersama dalam perjuangan membentaras rasuah kerana duit yang dapat diselamatkan itu seharusnya dipulangkan kepada rakyat," katanya.



Anwar bersama timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (empat dari kiri) dan Datuk Seri Fadillah Yusof (empat dari kanan) pada sambutan Hari Pekerja 2024 di PICC, semalam. Turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong (tiga dari kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Tian Sri Mohd Zaki Ali (tiga dari kanan).
(Foto Anwar Haniffah/BH)

6.	TAJUK	PENJAWAT AWAM DAPAT KENAIKAN GAJI LEBIH 13 PERATUS MULAI 1 DISEMBER 2024
	SUMBER	BH ONLINE (2 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NASIONAL)

Tahun ini dijangka paling panas selepas 1998

Oleh [Nor Fazlina Abdul Rahim](#) - Mei 2, 2024 @ 12:12pm
nfazlina@nstp.com.my



Fenomena El Nino atau cuaca panas yang sedang melanda negara ketika ini, dijangka berterusan sehingga Julai. - Foto fail

KOTA BHARU: Fenomena El Nino atau cuaca panas yang sedang melanda negara ketika ini, dijangka berterusan sehingga Julai.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ada juga ramalan mengatakan tahun ini adalah paling panas selepas 1998.

Katanya, beberapa negeri iaitu Kelantan, Perlis dan Kedah mengalami cuaca yang lebih panas berbanding Kuala Lumpur dan negeri lain.

"Kalau ikut trend biasa berdasarkan laporan diterima, sepatutnya sudah mula beralih dan hujan akan datang, namun keadaan ini mungkin sebulan atau dua bulan lagi. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan memantau perkara ini.

"Justeru, kita juga akan memantau dan berjaga-jaga tentang jerebu dalam negara dan rentas sempadan. Kita juga melihat beberapa kesan kebakaran membabitkan tanah gambut.

"Pada masa sama, kita bekerjasama dengan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) untuk memantau paras air dan mungkin terpaksa membuat pembenihan awan sekiranya perlu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kampung Angkat Madani di Kampung Aril, Pauh Lima, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut katanya, pihaknya ada menerima permintaan daripada Kelantan dan syarikat air untuk melakukan pembenihan awan.

Bagaimanapun katanya, perkara itu akan diputuskan oleh MetMalaysia dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

"Pembenihan awan tidak boleh dibuat suka-suka sebaliknya perlu memenuhi syarat tertentu. Malah kos juga adalah tinggi," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**